

# Dua pelajar China maut nahas jalan raya

BH 25/8/03 Tengah

NILAI: Dua pelajar wanita dari China yang menuntut di Kolej Inti di sini terbunuh apabila kereta yang mereka naiki bersama dua lagi rakan yang lain terbabit dalam kemalangan di Jalan Nilai-Sepang, di sini malam kelmarin.

Gaimanapun, dua lagi rakan mangsa, terselamat apabila hanya mengalami kecederaan dan kini menerima rawatan di Hospital Seremban.

Mereka yang terbunuh dikenali sebagai Wong Lei dan Xu Ying Ting, kedua-dua berumur 19 tahun dan menuntut dalam jurusan perniagaan di kolej berkenaan.

Manakala rakan mereka yang cedera dikenali sebagai Zhang Heng, 18, juga pelajar wanita dari China sementara pemandu kereta yang dikenali sebagai Gan Chun Haw, 19, ialah pelajar lelaki dan berasal dari Melaka.

Pegawai Turus Trafik Negeri Sembilan, Asisten Superintenden Abdul Majid Manaf, berkata kejadian itu berlaku kira-kira jam 9.30 malam.

Katanya, ketika kejadian, kereta dipandu oleh Gan dalam perjalanan dari arah Nilai dipercayai menuju ke kolej mereka.

Beliau berkata, dipercayai kereta itu dipandu laju dan gagal dikawal sebelum terbabas dan melanggar beberapa batang pokok di jalan berkenaan.

"Seorang daripada mangsa yang terbunuh tercampak ke tengah jalan berikutan kereta itu terkopak



**ANGGOTA** polis memeriksa Proton Iswara remuk teruk terbabit dalam kemalangan yang meragut nyawa dua pelajar Kolej Inti di Jalan Nilai-Sepang malam kelmarin.

akibat melanggar pokok. Kedua-dua mangsa yang terbunuh itu mengalami kecederaan teruk di bahagian kepala dan anggota badan," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang

melalui kawasan berkenaan turut membantu mengeluarkan mangsa yang terselamat sebelum membawa mangsa ke hospital untuk menerima rawatan.

Sehubungan itu, beliau me-

minta kerjasama orang ramai yang melihat kejadian itu diminta menghubungi Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) ditalian 06-7635522 bagi membantu siasatan.